

29/10/2003

Nik Aziz ucap terima kasih kepada Dr Mahathir

KOTA BHARU: Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana sikap keterbukaannya terhadap negeri ini.

Beliau melahirkan ucapan itu ketika membentangkan Belanjawan 2004 Kelantan pada persidangan Dewan Undangan Negeri Kelantan ke-10, di Kota Darulnaim, di sini semalam.

"Di dewan yang mulia ini juga, sukacita saya mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir, yang insya-Allah akan bersara mulai 31 Oktober ini, di atas keterbukaan pimpinannya terhadap Kelantan yang diterajui oleh pembangkang.

"Terima kasih juga kerana telah membantu Kelantan dalam menyelesaikan sebahagian besar daripada masalah air dan beberapa projek lain," katanya.

Ketika ditemui di lobi Kota Darulnaim selepas persidangan sesi petang, Nik Abdul Aziz mengakui Dr Mahathir seorang yang bersungguh-sungguh dalam melaksanakan tugasnya sebagai pemimpin.

"Saya akui kesungguhan beliau bekerja dan mengikut berita yang disampaikan kepada saya, Dr Mahathir tiada masa rehat, siang malam kerja dan pagi-pagi dah jogging, tidak pernah tengok dia suka lilau sampai nampak anak tekak (ketawa) dan saya rasa sifat ini perlu bagi seorang pemimpin," katanya.

Nik Abdul Aziz berkata, penghargaan yang diberikan Kerajaan Pas Kelantan ialah ucapan terima kasih secara rasmi dalam Sidang DUN dan beliau akan hadir pada majlis penyerahan tugas Dr Mahathir kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Jumaat ini.